

Newspaper	Sinar Harian
Date	11/3/2012

PKR mahu PM tunjuk bukti

Sinar Harian - 11/3/2012

SHAH ALAM - Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, menyambut baik kenyataan penafian Pejabat Perdana Menteri berkenaan dakwaan perbelanjaan majlis pertunangan anak perempuannya, tetapi mahu Datuk Seri Najib Razak menjawab perkara itu dengan memberi bukti wajar.

"Saya menyambut baik kenyataan rasmi dari Pejabat Perdana Menteri, menafikan perbelanjaan majlis pertunangan anak Datuk Seri Najib pada 17 Jun 2011 lalu, dibiayai wang rakyat, melalui Pejabat Perdana Menteri, walaupun dokumen dari Hotel Shangri-la, yang mengendalikan majlis secara jelas menunjukkan semua urusan tempahan dan bayaran dibuat melalui Pejabat Perdana Menteri," katanya.

Rafizi berkata, persoalan memohon maaf tidak timbul kerana kenyataan dua perenggan itu hanyalah penafian, tanpa ada yang boleh menafikan kesahihan dokumen atau tuduhan yang dibawa terhadap Perdana Menteri.



RAFIZI

Menerusi mesej *Twitter*, Najib menafikan majlis pertunangan, Nooryana Najwa, diadakan dengan duit kerajaan.

"Perbelanjaan pertunangan anak perempuan PM, Nooryana Najwa, tidak ditanggung oleh Pejabat Perdana Menteri, sebagaimana didakwa," kata mesej menerusi *Twitter* di bawah akaun Pejabat Akhbar Perdana Menteri.

Sementara itu, PKR meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat dari mana punca dana pertunangan anak Perdana Menteri.

Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali berkata, sungguhpun Pejabat Perdana Menteri (PMO) semalam, menjelaskan ia dibayar sendiri oleh Perdana Menteri dan keluarganya.

"Tunjukkan bukti kukuh yang menjelaskan kos perbelanjaan majlis itu tidak menggunakan dana PMO," katanya.